

1 (a) (i) Rububiyyah ialah keyakinan (iktkad) dalam hati secara mutlak / bahawa Allah S.W.T. yang mentadbir semua benda dan perkara di dunia ini. [  $1 \times 2 = 2m$  ]

(ii) Dua konsep Rububiyyah ; [  $2 \times 2 = 4m$  ]

- Allah S.W.T. adalah Pencipta, Pemilik dan Pentadbir alam.
- Allah berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendaknya.
- Kekuasaan Allah S.W.T. meliputi langit dan bumi.

(b) Rasul yang memiliki kesabaran yang amat tinggi / dalam menghadapi banyak tantangan ketika menyampaikan dakwah. [  $1 \times 2 = 2m$  ]

(c) Dua perbezaan antara nabi dan rasul. [  $2 \times 2 = 4m$  ]

Nabi	Rasul
Diberi wahyu untuk dirinya	Diberi wahyu untuk dirinya dan disampaikan kepada kaumnya
Bilangan terlalu ramai	Hanya 313 Rasul sahaja
Seorang nabi tidak semestinya rasul	Setiap rasul adalah nabi
Tidak diturunkan kitab	Diturunkan kitab dan suhuf
Tidak diwajibkan mengetahui nama dan bilangannya	Wajib mengetahui bilangan dan nama 25 rasul

(d) Dua adab kepada rasul. [  $2 \times 2 = 4m$  ]

- Sentiasa berselawat / agar mendapat syafaat di akhirat
- Beriman dengan ajaran yang dibawanya / agar tidak sesat
- Mengamalkan sunnahnya / dalam kehidupan seharian
- Mengasihi dan mencintai mereka / melebihi makhluk lain
- Mentaati ajaran yang disampaikan rasul / dengan hati yang ikhlas

(e) Tanggungjawab manusia terhadap alam agar mendapat keberkatan Allah

Memakmurkan alam secara bijaksana / seperti membuat pembangunan terancang./ Hal ini dapat menjaga kelestarian alam./ Oleh itu kita wajib menjaga kemakmuran alam agar dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang.

KBAT

Isi : 1 m

H : 1 m

HL : 1 m

K : 1 m

Isi lain ;

- Memelihara alam / agar terpelihara keindahan alam.
- Memulihara alam / agar tidak berlaku kepupusan.

[Lihat halaman sebelah

2 (a) Islam sebagai agama rabbani dan syumul mengambil kira keupayaan dan kemampuan umatnya dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah.

(i) Waqiiyyah bermaksud praktikal, boleh dilaksanakan oleh semua golongan manusia. [1x2 = 2m]

(ii) Dua prinsip Waqiiyyah : [2x1 = 2m]

- Praktikal bukan utopia
- Menyelesaikan masalah
- Menekankan kesederhanaan
- Positif terhadap pemikiran.

(b) (i) Dua konsep kesempurnaan Islam dalam bidang ekonomi. [2x2 = 4 m]

- Menggariskan panduan cara bermuamalah yang baik / seperti jual beli, sewaan dan sebagainya.
- Melarang semua bentuk muamalah yang menindas / seperti monopoli, manipulasi dan sebagainya.

(ii) Dua contoh kesempurnaan Islam dalam bidang sosial. [2x1 = 2m]

- Pergaulan ; menetapkan batas ajnabi dan mahram.
- Perhubungan antarabangsa ; ibadah haji.
- Adab dalam peperangan ; tidak menyerang rumah ibadah.

(c) Islam menjamin hak melindungi nyawa dengan menetapkan ;

- Hukum Qisas bagi kesalahan membunuh
- Larangan atau pengharaman perlakuan yang mengancam nyawa seperti membunuh diri, dadah, lumba haram dan sebagainya.

Islam menjamin hak melindungi nyawa dengan menetapkan hukuman Qisas bagi kesalahan bunuh (I)/ kerana hukuman bunuh kepada pembunuhan menyebabkan manusia takut untuk melakukan pembunuhan. (H)/ Dengan demikian nyawa dapat dilindungi. (HL)/ Kesimpulannya, kita wajib memelihara nyawa dengan menghindari perkara yang boleh memudharatkan diri sendiri atau orang lain seperti membunuh atau bunuh diri.

KBAT

Isi : 1 m

H : 1 m

HL : 1 m

K : 1 m

(d) Dua hikmah penetapan hukuman hudud kepada pencuri [2x2 = 4 m]

- Manusia tidak berani mencuri / seterusnya tiada kes kecurian.
- Penjenayah curi merasa insaf / dan kembali taat kepada Allah.
- Harta benda akan selamat / daripada pencerobohan penjenayah.
- Mengukuhkan keyakinan umat Islam kepada agama Islam / yang dapat mengatasi masalah jenayah curi.

(tetap k  
benarkah)

(e) Dua contoh thabat dalam aspek ibadah; [2x1 = 2 m]

- Ketetapan solat fardhu sebanyak 5 waktu sehari semalam.
- Ketetapan puasa Ramadhan di bulan Ramadhan
- Ketetapan haji di Mekah

[Lihat halaman sebelah

SULIT

3)

(a) (i) Dua perkara yang menjadi dasar kepada segala keputusan ahli syura ;

- Keilmuan, keimanan dan ketaqwaan [2x2 = 4 m]
- Bebas dari belenggu perkauman, kepentingan individu atau kumpulan.

BAB 3: Institusi Islam  
(Negara Islam)

(ii) Dua sebab khalifah disyaratkan daripada seorang yang muslim dan mukmin :

- Mampu melaksanakan hukum syariat dengan baik. [2x2 = 4 m]
- Bertanggungjawab memelihara kesucian Islam.
- memelihara dan menegakkan keadilan secara hak.
- berdaya mengawal emosi, rasional dan tinggi kesabaran.

(b) Empat implikasi pengabaian tanggungjawab rakyat ;

[1x4 = 4 m]

- Keruntuhannya akhlak dalam masyarakat
- Amar makruf tidak terlaksana di dalam masyarakat
- Peningkatan gejala sosial dalam masyarakat.
- Kemunduran dalam aspek ekonomi, sosial dan pendidikan dalam masyarakat.

-lain-lain implikasi yang betul diterima.

(c) Dua matlamat sistem kehakiman Islam ;

[2x1 = 2 m]

- Menegakkan keadilan
- Menentang kezaliman
- Membela yang dizalimi

(d) Dua daripada sumber utama perundangan Islam :

(i) Huraian dua daripada sumber utama tersebut.

[2x2 = 4 m]

- Al-Quran./ Kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad melalui Jibril.
- Al-Hadis./ Perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad s.a.w yang berfungsi menegaskan hukum yang terdapat dalam Al-Quran dan menetapkan hukum yang tiada dalam al-Quran.
- AL-Ijmak./ Ijtihad ulama atas sesuatu yang tidak jelas nasnya.
- Al-Qias./ Menyandarkan sesuatu hukum yang tiada nasnya kepada sesuatu yang mempunyai nas kerana persamaan illat.

Sumber = 1 m  
Huraian = 1 m

(ii) Al-Masalah al-Mursalah adalah memelihara tujuan syarak serta membawa kebaikan umum dengan menolak segala yang merosakkan dan memudharatkan makhluk.

[1x2 = 2m ]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 4 (a) (i) Islam menggalakkan umatnya mencari harta kerana
- Memiliki harta merupakan fitrah manusia. [1x2 = 2m]
  - Harta digunakan untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga.
  - Harta yang diperoleh digunakan untuk membantu golongan yang memerlukan.
  - Harta dapat mengurangkan kadar kemiskinan umat Islam.
- (ii) Dua cara membelanjakan harta kepada masyarakat
- Membelanjakan harta untuk kebajikan umum seperti sedekah, derma, dan membantu orang yang tidak berkemampuan.
  - Membantu institusi pembangunan masyarakat seperti masjid, sekolah, hospital dan sebagainya.
  - Membantu meringankan beban orang yang ditimpa bencana seperti membantu mangsa kebakaran, banjir, tanah runtuhan, dan berpenyakit kritikal.
- (iii) Empat golongan yang tidak layak menguruskan harta.
- Anak yatim
  - Kanak-kanak
  - Orang yang terencat akal/lemah akal
  - Gila / tidak siuman
- (b) Selaku pelajar, saya akan mendalami ilmu agama / untuk mengelakkan daripada terjebak dalam rasuah. / Contoh yang berlaku rasuah dikalangan pelajar ialah semasa kempen pilihanraya pelajar di sekolah. / Kesimpulannya, sebagai pelajar hendaklah menuntut ilmu agama supaya gejala rasuah dapat dihindarkan.
- (c) Dua implikasi kehidupan tanpa pekerjaan terhadap masyarakat.
- Menimbulkan masalah sosial seperti melepak, berpeleseron dan gejala sosial yang lain. [2x1 = 2 m]
  - Masalah jenayah berleluasa seperti mencuri dan menyamun akan berleluasa.
  - Masalah pengangguran meningkat.
- (d) Dua implikasi pengabadian muamalah Islam terhadap.
- (i) Individu
- Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri.
  - Kehidupan golongan miskin tidak terbaik.
  - Melahirkan individu yang tamak haloba.
- (ii) Negara
- Amalan riba berleluasa dalam sistem ekonomi negara.
  - Golongan kaya bertambah dan golongan miskin menjadi semakin miskin.
  - Kemelesetan ekonomi akan berlaku dalam negara.

[Lihat halaman sebelah

## 5 (a) Empat matlamat perundangan Islam (maqasid syariah);

- Memelihara agama
  - Memelihara nyawa
  - Memelihara akal
  - Memelihara harta
  - Memelihara keturunan
- [ $4 \times 1 = 4m$ ]

## (b) Dua perbezaan antara Sistem Perundangan Islam dengan Perundangan Ciptaan Manusia.

Sistem Perundangan Islam	Perundangan Ciptaan Manusia.
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan Allah s.w.t.</li> <li>• Bersifat universal.</li> <li>• Sesuai pada semua tempat dan zaman.</li> <li>• Al-Quran dan al-Hadis dijadikan sebagai rujukan.</li> <li>• Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat.</li> <li>• Mengingkarinya berdosa dan mematuhiinya men dapat pahala.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan manusia</li> <li>• Bersifat setempat</li> <li>• Sesuai hanya pada sesuatu tempat dan keadaan sahaja.</li> <li>• Pemikiran manusia sebagai sumber rujukan.</li> <li>• Merangkumi dunia sahaja.</li> <li>• Melanggaranya akan dikenakan tindakan di dunia.</li> </ul>

[ $2 \times 2 = 4m$ ]

## (c) Dua keperluan fatwa ialah;

- Menyelesaikan masalah yang tidak terdapat hukum secara nyata dalam al-Quran dan al-Hadis.
- Mengelakkan masyarakat berpegang kepada hukum yang dikeluarkan oleh individu.
- Menghilangkan keraguan masyarakat ke atas sesuatu hukum.
- Memberikan keyakinan kepada umat Islam untuk berpegang kepada hukum agama.

[ $2 \times 2 = 4m$ ]

2

(d) (i) Faedah mengamalkan perundangan Islam terhadap negara ialah; [  $1 \times 2 = 2m$  ]

- Memantapkan keamanan dan kedaulatan negara.
- Dihormati oleh negara luar.
- Negara membangun dan maju.

(ii) Dua kesan pencapaian matlamat perundangan Islam terhadap individu ialah; [  $2 \times 1 = 2m$  ]

- Menguatkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah s.w.t.
- Hidup diberkati Allah s.w.t.
- Kehidupannya lebih berjaya.

## (e) (i) Maksud ujub ialah kagum dengan amalan sendiri serta sompong dalam melakukan sesuatu ibadah / serta memandang rendah dan memperlekehkan amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang lain. [ 2 markah ]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- (ii) Tindakan Farid adalah tidak wajar/ kerana perbuatan tersebut menjurus kepada riyak dan ujub./ Hukum riyak dan ujub adalah haram dalam Islam dan ia boleh merosakkan amalan ibadah seseorang./ Kesimpulannya, kita hendaklah mengelakkan diri daripada perkara yang boleh merosakkan ibadah kerana ia adalah perbuatan yang sia-sia.

KBAT  
Isi : 1 m  
H : 1 m  
HL : 1 m  
K : 1 m

\* Jawapan positif dengan alasan yang munasabah juga diterima.

- 6 (a) Berkahwin boleh mengelakkan masyarakat daripada melakukan hubungan kelamin yang dilarang dalam agama/ kerana ia boleh menyebabkan banyak masalah akan timbul./ Sebagai contoh lahirnya anak yang tidak sah taraf./ Justeru itu, kita mestilah menghindarkan diri daripada berzina supaya institusi kekeluargaan akan baik dan teratur.

KBAT  
Isi : 1 m  
H : 1 m  
HL : 1 m  
K : 1 m

- (b) (i) Empat perlakuan yang telah dianjurkan oleh Islam [  $4 \times 1 = 4$  m ] dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi manusia ;

- Niat
- Keazaman
- Tindakan
- Tawakal
- Muhasabah

- (ii) Dua daripada amalan dalam penyelesaian masalah ;

- Melalui tindakan pemerintah. [ 2 markah ]

Pemerintah hendaklah menyelesaikan masalah dalam negara berpandukan hukum Islam. Cara tersebut lebih adil dan saksama. Rakyat pula mesti mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh pemerintah bagi menjamin kemakmuran negara.

- Melalui doa. [ 2 markah ]

Doa adalah cara memohon kebaikan atau menolak sesuatu keburukan kepada Allah s.w.t. Seseorang yang menghadapi masalah harus berdoa kepada Allah s.w.t. supaya masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik setelah segala usaha dilakukan dengan sempurna.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

(c) Dua contoh penyelesaian yang dianjurkan Islam untuk membasmi [  $2 \times 2 = 4m$  ] masalah kejahilan dalam masyarakat ialah;

- Mewajibkan umatnya menuntut ilmu yang bermanfaat / agar dapat menghindarkan masyarakat dari kejahilan.
- Al-Quran telah memberikan sumbangan yang besar bagi membasmi kejahilan / dengan cara yang betul.
- Memberikan kesedaran dan motivasi kepada umat Islam / agar menuntut ilmu yang bermanfaat.
- Melakukan penyelidikan dan pengkajian dalam sesuatu isu yang berbangkit / agar dapat menyelesaikan masalah ummah.

(d) Kaedah penyelesaian masalah perpaduan dalam Islam ialah ;

(i) Syariat

[ 2 markah ]

- Syariat Islam telah mewujudkan pelbagai peraturan seperti kewajipan berzakat dan bersedekah. Peraturan ini dapat mengeratkan perpaduan dan merapatkan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin.
- Islam mengharamkan perbuatan penyebaran fitnah bagi mengekalkan keharmonian dan perpaduan ummah. Penyebar fitnah akan dikenakan hukuman yang berat mengikut syariat Islam.

(ii) Akhlak

[ 2 markah ]

- Islam memerintahkan ummatnya supaya sentiasa bersifat toleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain.
- Islam menyuruh umatnya supaya sentiasa menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kejahanan.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 7 (a) Qadha adalah penghakiman atau keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti yang nyata.
- (i) Contoh qadha bagi menyelesaikan pertelingkahan antara suami isteri ;
- Keputusan hakim untuk mentalakkan isteri kerana [ 2 markah ]  
kegagalan suami menjalankan tanggungjawab.
  - Keputusan hakim untuk proses perdamaian melalui sesi kaunseling.
- (ii) **Dua** keperluan qadha ; [  $2 \times 2 = 4m$  ]
- Menjatuhkan hukuman yang setimpal
  - Menjamin keharmonian masyarakat
  - Mengelakkan huru-hara dalam masyarakat
  - Menjamin keadilan kepada masyarakat
- (iii) **Dua** Implikasi terhadap masyarakat jika matlamat qadha tidak tercapai ;
- Keharmonian masyarakat tergugat kerana tiada [  $2 \times 2 = 4m$  ]  
penyelesaian pertelagahan yang terjadi.
  - Berlaku huru hara kerana keputusan mahkamah  
tidak dihormati
  - Wujud penindasan atau penganiayaan kerana  
hukuman yang tidak adil.
- (b) Ibadah fardhu Hassan (solat Subuh) adalah kurang sempurna (I)/ KBAT  
kerana tidak memenuhi peraturan dalam ibadat (H) iaitu di antara Isi : 1 m  
syarat sah solat adalah dilaksanakan di dalam waktunya.(HL)/ H : 1 m  
Kesimpulannya, kita hendaklah mengimbangi urusan dunia dan HL : 1 m  
akhirat agar dapat melaksanakan kewajipan dengan sempurna. K : 1 m

\* Jawapan positif dengan alasan yang munasabah juga diterima.

- (c) **Dua** keistimewaan institusi kekeluargaan ; [  $2 \times 1 = 2m$  ]
- Menjamin keturunan manusia
  - Membentuk akhlak manusia
  - Menjamin kebahagiaan hidup

- (d) **Dua** perbezaan antara hukum jenayah Islam dengan bukan Islam.

Hukum Jenayah Islam	Hukum Jenayah Bukan Islam
Ciptaan Allah	Digubal hasil pengalaman pihak berkuasa
Pelaksanaannya mendapat berkat	Tiada keberkatan
Kuasa pengampunan qisas berada di tangan waris mangsa	Kuasa pengampunan dalam kuasa mahkamah

[  $2 \times 2 = 4m$  ]

#### SKEMA SOALAN TAMAT

**SULIT**  
5226/2  
Tasawwur  
Islam  
Kertas 2  
Ogos  
2018  
2½ jam



5226/2

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**TASAWWUR ISLAM**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

5  
2  
2  
6  
—  
2

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**